

# Kerjasama Pas, Semangat 46 memuaskan

**BUKIT MERTAJAM, Ahad** — Pas sedia bekerjasama dengan mana-mana parti politik, terutama yang memperjuangkan Islam bagi menghadapi Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum akan datang.

Pemangku Yang Dipertua Pas, Haji Fadzil Noor, berkata kerjasama itu penting demi perpaduan umat Islam keseluruhannya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Pas kawasan Parlimen Permatang Pauh di Dewan Pas Kampung Pertama di sini, malam tadi, Haji Fadzil berkata, setakat ini kerjasama Pas dengan kumpulan serpihan Umno berjalan lancar.

"Beberapa pertemuan sebelum ini menunjukkan wujud persafahaman di antara kedua-dua pihak dan ini penting sebagai langkah awal ke arah perpaduan ummah.

"Pas juga sudah mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin Berjasa mengenai perpaduan ummah walaupun keputusan muktamad belum dicapai," katanya.

Haji Fadzil berkata, walaupun pilihanraya umum belum ditetapkan, ada kemungkinan ia diadakan tahun ini dan Pas sudah bersedia menghadapinya.

Mengenai bekas Naib Yang Dipertua, Haji Nakhale Haji Ahmad, mungkin bertanding bagi merebut jawatan Yang Dipertua Pas dalam muktamar parti itu Mac depan, beliau berkata, terserah kepada Haji Nakhale untuk berbuat demikian.

"Perlembagaan membolehkan ahli bertanding bagi mana-mana jawatan yang difikirkan sesuai," katanya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya di majlis itu, Haji Fadzil berkata, kesedian Pas menerima kumpulan serpihan Umno adalah berasaskan kepada kesanggupan kumpulan itu untuk kembali kepada Islam.

Kira-kira 1,000 ahli dan penyokong Pas hadir di majlis itu. Turut hadir ialah Pesuruhjaya Pas Pulau Pinang, Haji Zabidi Ali.

Beliau juga menyarankan supaya Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelewengan, yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

"Tidak perlu jawatankuasa itu ditubuhkan jika hanya untuk menyiasat golongan bawahan. Semua pihak yang disyaki menyeleweng perlu disiasat," katanya.